



GSM-UPM Dipilih Sekolah Perniagaan Terbaik Malaysia



Dato' Seri Khaled Nordin mengumumkan dan merasmikan Sekolah Perniagaan Terbaik Malaysia di Putrajaya.

PUTRAJAYA, 2 Dis – Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai salah sebuah Sekolah Perniagaan Terbaik Malaysia mengikut rekod cemerlang dalam mentadbir sekolah perniagaan sehingga meraih pengiktirafan antarabangsa tanpa pentadbiran universiti.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Khaled Nordin berkata Kementerian telah menyediakan geran peruntukan sebanyak RM25 juta kepada GSM-UPM di mana RM13.5 juta digunakan untuk tujuan kemudahan infrastruktur dan RM11.5 juta untuk pembangunan modal insan.

Beliau berkata pemilihan GSM-UPM merupakan usaha dan pendekatan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan antarabangsa selain meningkatkan kualiti program pengajian sedia ada di sini.

"Selain GSM-UPM, Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia (GSB-UKM) turut dipilih sebagai Sekolah Perniagaan Terbaik Malaysia," katanya ketika merasmikan Kolokium Perniagaan Antarabangsa Pasca Siswazah dan mengumumkan Sekolah Perniagaan Ulama di Malaysia.

Menurut beliau, pemilihan GSM-UPM dan GSB-UKM dibuat daripada 11 sekolah perniagaan IPTA yang menawarkan kursus Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan kursus berkaitan.

"Antara kriteria pemilihan kedua-dua sekolah itu ialah mempunyai kuasa autonomi dalam pentadbiran, memiliki kaedah penyelidikan, pengajaran, pembelajaran dan pembangunan inovasi yang berkualiti serta mempunyai rangkaian antarabangsa," katanya lagi.

Pengiktirafan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat merancakkan program pengantarabangsaan GSM-UPM untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Kita harap pengiktirafan itu dijadikan penanda aras oleh IPTA lain untuk mencapai program pengajian yang kompetitif dan relevan untuk pasaran negara dan antarabangsa," katanya.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima replika cek daripada Dato' Seri Khaled Nordin sambil disaksikan oleh Dato' Prof Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohardi dan Prof Emeritus Tan Sri Syed Jalaludin Syed Salim.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.